


## **KANDUNGAN**

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB  
LISAN YANG TIDAK DIJAWAB DI DALAM DEWAN  
(SOALAN NO.9 HINGGA NO. 64)**

22 MAC 2017

**NOTA: [RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]**

**NURELFIRA BINTI MOHD DAUD  
SEKSYEN PERUNDANGAN & PROSIDING  
PARLIMEN MALAYSIA**



**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK HAJI MOHD FASIAH BIN  
MOHD FAKEH [ SABAK BERNAM ]**

**TARIKH : 22.3.2017**

**SOALAN :**

**Datuk Haji Mohd Fasih Bin Mohd Fakeh [ Sabak Bernam ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan setakat manakah penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) di sekolah dalam proses pengajaran dan pembelajaran dan sejauh manakah komitmen Kerajaan untuk melengkapkan sekolah kerajaan di Malaysia dengan akses internet 4G dan VLE.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) menggunakan *Smart School Qualification Standards* (SSQS) untuk penarafan pembestarian sekolah termasuk penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP). Berdasarkan keputusan penarafan tersebut, 90.8 peratus (9,228) daripada 10,162 sekolah telah mencapai sekurang-kurangnya tahap tiga (3) bintang iaitu memuaskan. Antara elemen utama dalam penggunaan ICT ialah penggunaan peralatan dan aplikasi oleh pentadbir untuk meningkatkan kecekapan pengurusan dan pentadbiran (PdT) sekolah, pengintegrasian ICT dalam PdP oleh guru (seperti VLE, rancangan pendidikan, perisian, dan sumber pendidikan

lain) dan penggunaan ICT oleh murid untuk pembelajaran (seperti penggunaan kemudahan dan peralatan ICT, VLE dan carian maklumat).

Kerajaan sangat komited untuk terus meningkatkan rangkaian internet 4G. Sehingga 8 Mac 2017 sebanyak 6,372 sekolah (66.51 peratus) telah dirangkaikan dengan teknologi 4G di seluruh negara. Menjelang tahun 2018, sebanyak 80.45 peratus sekolah akan dirangkaikan dengan rangkaian berkelajuan tinggi 4G (*Long-Term Evolution*). Baki 19.55 peratus sekolah akan dinaik taraf dalam 1BestariNet Fasa 3.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, usaha KPM bukan tertumpu kepada penyediaan infrastruktur sahaja tetapi juga kepada penyediaan sumber manusia khususnya guru bagi memastikan murid-murid memanfaatkan sepenuhnya keupayaan ICT sedia ada.

RJM66